

MAHATHIR - UCAPAN
DARIPADA SYED JAMIL JAAFAR
(I)

NASSAU, (BAHAMAS), 18 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMPUNYAI ATURCARA YANG SIBUK SEMALAM KETIKA PERSIDANGAN KE-25 KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL (CHOGM) MEMASUKI HARI KEDUA.

BELIAU MENGHADIRI SESI EKSEKUTIF PERSIDANGAN ITU PAGI SEMALAM APABILA PERDANA MENTERI BRITISH, PUAN MARGARET THATCHER MENYAMPAIKAN UCAPANNYA YANG TERTUMPU KEPADA ARAH ALIRAN DAN PERSPEKTIF DI DUNIA.

INI KEMUDIAN DIIKUTI DENGAN UCAPAN BALAS OLEH PARA PERDANA MENTERI DARI INDIA, JAMAICA, ZIMBABWE, NEW ZEALAND, GRENADA, SINGAPURA, CYPRUS, SRI LANKA, MALTA DAN DATUK SERI DR. MAHATHIR.

SEMASA BERUCAP, PERDANA MENTERI MEMBIDAS KUASA-KUASA BESAR DAN AKHBAR-AKHBAR BARAT DAN MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA NEGARA-NEGARA DI DUNIA BERPEGANG KEPADA NILAI-NILAI BERSAMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGHADIRI SESI PADA SEBELAH PETANG YANG MEMBAHASKAN MENGENAI ISU AFRIKA SELATAN. -- LAGI

MAHATHIR - UCAPAN 2 NASSAU
(I)

PERDANA MENTERI ZAMBIA, DR. KENNETH KAUNDA, YANG MEMBENTANGKAN ISU ITU MEMBERI AMARAN BAHAWA KEKECAUAN AKAN BERLAKU DI AFRIKA SELATAN KECUALI USAHA DIJALANKAN UNTUK MENGHAPUSKAN DASAR APARTEID.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MAKAN TENGAH HARI DENGAN PRESIDEN HUSSAIN MOHAMAD DARI BANGLADESH DAN BERBINCANG MENGENAI PELBAGAI ISU DAN BAGAIMANAKAH KOMANWEL DAPAT MENGATASI SEBETENGAH DARIPADA MASALAH ITU.

KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU JUGA BERBINCANG MENGENAI ISU-ISU DUA HALA. PRESIDEN BANGLADESH ITU DIJANGKA MELAWAT MALAYSIA BULAN DEPAN.

SELEPAS SESI PERSIDANGAN MENGENAI AFRIKA SELATAN ITU DITANGGUHKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGADAP SULTAN BRUNEI.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN DIWAWANCARA OLEH RANGKAIAN TELEVISYEN ITV BRITISH DAN SELEPAS ITU MENGHADIRI MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA DENGAN KETUA-KETUA PERWAKILAN YANG LAIN YANG DIADAKAN OLEH PERDANA MENTERI BAHAMAS, SIR LYNDEN PINDLING. -- LAGI

MAHATHIR - UCAPAN 3 NASSAU
(I)

MALAM KELMARIN, PERDANA MENTERI TELAH BERUNDING DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI INDIA, RAJIV GANDHI.

DALAM PADA ITU, MENTERI LUAR, TENGGU AHMAD RITHAUDEEN BERBINCANG DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI INDIA, BALI RAM BHAGAT PADA TENGAH HARI KELMARIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MERUPAKAN SALAH SEORANG DARIPADA DUA ORANG KETUA NEGARA YANG AKAN BERUCAP MENGENAI ISU-ISU EKONOMI ANTARABANGSA HARI INI.

BELIAU JUGA DIJADUALKAN MAKAN TENGAH DENGAN PERDANA MENTERI SINGAPURA, DATUK LEE KUAN YEW DAN KEMUDIAN DIWAWANCARA OLEH PERBADANAN PENYIARAN BRITISH (BBC).

BELIAU DAN KETUA-KETUA KERAJAAN YANG LAIN AKAN BERLEPAS KE LYFORD CAY SELEPAS SESI PERSIDANGAN ITU UNTUK BEREHAT PADA Hujung MINGGU DAN BERLEPAS PULANG PADA 19 OKTOBER (20 OKTOBER DI MALAYSIA).

TENGGU RITHAUDEEN AKAN MENGAMBIL ALIH SEBAGAI KETUA PERWAKILAN MALAYSIA SEHINGGA PERSIDANGAN ITU BERAKHIR PADA 22 OKTOBER. -- BERNAMA

A

1243MST 18 10 85